

**ORGANISASI KESELAMATAN DALAM FIRMA KONTRAKTOR
PENUBUHAN DAN PERLAKSANAANNYA**

Oleh :

MOHAMAD RAFI BIN SALEH

Diajukan kepada :
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Projek)

April 1996

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT yang dengan izinNya kepada saya untuk menghasilkan kajian ilmiah ini.

Bimbingan serta tunjuk ajar amat diperlukan di dalam proses pembelajaran. Kajian ini yang merupakan sebahagian dari proses pembelajaran di peringkat Sarjana Sains (Pengurusan Projek) telah dapat disempurnakan hasil dari bimbingan dan tunjuk ajar pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia.

Dengan sukacita saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbangkan bantuan dan kerjasama dalam kajian ini. Namun dalam banyak-banyak pihak dan individu berkenaan, ada nama-nama yang perlu disebut kerana sumbangan yang tidak ternilai.

1. Prof. Madya Dr. Omar Osman selaku penyelia saya dan Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz selaku pembaca kedua disertasi ini.
2. Pensyarah-pensyarah dan kakitangan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, USM.
3. Profesor John Andrews, UCL, Pensyarah lawatan ke USM.
4. Respondan-respondan soal selidik:-
 - Encik Jasmin Sarudin,
 - Encik Ridzuan Che Amat,
 - Encik Lee Lek Chai,
 - Encik Jim Peter
5. Rakan-rakan sepengajian, Wan Johan, Wan Saufi, Damanhuri, Ashrof, Sartha, Mistar, Abang Aziz, Abang Roslan, Kak Noraini dan Angie.
6. Abah dan emak, Saleh Jaeh dan Rokiah Md. Soom, kakak, Suriati serta adik-adik, Intan, Suraya, Faizal dan Yanty.
7. Azrina Ramli yang banyak memberi dorongan dan semangat.

ABSTRAK

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 menyediakan rangka perundangan untuk memupuk, meransang dan menggalakkan mutu keselamatan yang tinggi semasa bekerja. Tujuan utamanya ialah untuk memupuk sikap prihatin terhadap keselamatan dan kesihatan, dan mewujudkan organisasi dan langkah-langkah keselamatan yang berkesan melalui skim-skim pengaturan sendiri yang disesuaikan dengan industri atau organisasi yang berkaitan.

Walaupun Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dikuatkuasakan, kadar kemalangan terutama dalam sektor pembinaan masih di tahap yang tinggi. Penubuhan jawatankuasa keselamatan sebagaimana yang diperuntukan didalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, yang berperanan memastikan keselamatan pekerja di tempat kerja sepatutnya dapat mengurangkan kadar kemalangan di sektor pembinaan.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 melalui penubuhan jawatankuasa keselamatan di dalam firma-firma kontraktor dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi keberkesanannya.

Kajian ini mendapati firma-firma kontraktor telah melaksanakan peruntukan akta keselamatan dan kesihatan di tapak bina. Tetapi pelaksanaan program keselamatan kurang berkesan kerana tiadanya tindakan susulan seperti pengawasan dan pengawalan.

ABSTRACT

The Occupational Safety and Health Act 1994 provides the legislative framework to promote, stimulate and encourage high standards of safety at work. The aim is to promote safety and health awareness, and establish effective safety organisation and performance through self-regulation schemes designed to suit the particular industry or organisation.

The Occupational Safety and Health Act enforce to implement safety precaution seem not to take much effect since the accident rate is still high especially in construction areas. Establishing the safety committee as allocated in OSHA to ensure the safety of employees at the workplace should minimise the accident rate in construction sector.

The research are twofold which to see the implementation of the Act through the setting of safety committee and to seek the factors affecting it's effectiveness.

The research indicated that the contractors do procedures that stated in the Act but the implementation of the safety programme not effective due to lack of control and supervision.

PENGHARGAAN

ABSTRAK

1.0 PENGENALAN	4
1.1 Penyataan Permasalahan	6
1.2 Matlamat Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Skop kajian	8
1.5 Metodologi Kajian	9
1.6 Had-had Kajian.	11
2.0 KAJIAN ILMIAH	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Objektif Kajian Ilmiah	12
2.3 Peruntukan-peruntukan Utama Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994.	12
2.3.1 Kandungan Akta	13
2.3.2 Kewajipan Am	14
2.3.3 Kewajipan Majikan	15
2.3.4 Polisi Keselamatan	16
2.3.5 Kewajipan Kepada Orang Awam.	17
2.3.6 Kewajipan Pekerja.	17
2.3.7 Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan	18
2.3.8 Jawatankuasa Keselamatan	19
2.3.9 Laporan Kemalangan Dan Penyakit Pekerjaan	19
2.4 Organisasi Keselamatan	21
2.4.1 Definisi Organisasi	21
2.4.2 Organisasi Rasmi	23
2.4.3 Organisasi Tidak Rasmi	26
2.4.4 Tuju-arah Organisasi	27

2.4.5 Matlamat	28
2.4.6 Komunikasi	29
2.4.7 Jawatankuasa Keselamatan	30
2.4.8 Jenis-jenis Jawatankuasa Keselamatan.....	31
2.5 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keselamatan Di Tapak Bina	34
2.6 Kaedah-Kaedah Pencegahan Kemalangan Di Tapak Bina	36
2.7 Rumusan Bab.....	38
3.0 KAJIAN LUAR.....	39
3.1 Pengenalan.....	39
3.2 Skop Kajian	39
3.3 Metodologi Kajian.....	40
3.3.1 Kaedah Soal Selidik	40
3.3.1.1 Temubual Berstruktur	40
3.3.1.2 Pemerhatian dan Pemeriksaan Tapak	41
3.4 Rekabentuk Soal Selidik	41
3.4.1 Latarbelakang Firma dan Pengurusan Keselamatan	42
3.4.1.1 Latarbelakang Respondan.....	42
3.4.1.2 Latarbelakang Firma.....	42
3.4.1.3 Peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.....	43
3.4.1.4 Polisi Keselamatan	43
3.4.2 Persekitaran Tapak Bina.....	44
3.5 Rumusan Bab.....	44
4.0 ANALISIS MAKLUMAT DAN DATA.....	46
4.1 Pengenalan.....	46
4.2 Tujuan Analisis	46
4.3 Analisis Data	46
4.3.1 Bilangan Responden.....	46
4.3.2 Latarbelakang Firma Dan Pengurusan - Keselamatan.....	47
4.3.2.1 Bahagian A - Latarbelakang Respondan.....	47
4.3.2.2 Bahagian B - Latarbelakang Firma	48

4.3.2.3 Bahagian C - Peruntukan Akta Keselamatan Dan Kesihatan	
Pekerjaan.....	53
4.3.2.4 Bahagian D - Polisi Keselamatan.....	54
4.3.3 Bahagian 2- Sekitaran Kerja.....	67
4.4 Penemuan-penemuan.....	73
4.5 Rumusan Bab.....	79
5.0 RUMUSAN DAN PENUTUP.....	81
5.1 Rumusan.....	81
5.2 Cadangan-cadangan.....	82
5.2.1 Pihak Kerajaan	82
5.2.2 Pihak media massa	85
5.2.3 Pihak Majikan.....	85
5.3 Implikasi dan kesan	87
5.4 Kajian masa hadapan.	88
NOTA KAKI.....	89
RUJUKAN	
LAMPIRAN LAMPIRAN	

BAB SATU

1.0 PENGENALAN

Sektor pembinaan di negara ini telah berkembang maju dari setahun ke setahun dengan pertambahan ekonomi negara. Kemajuan sektor ini dari segi pertumbuhan sepatutnya dapat mengurangkan peratus kemalangan. Tetapi sebaliknya yang berlaku, ianya semakin bertambah sehingga menyebabkan beberapa projek terpaksa dihentikan pembinaannya.

✓ Dalam tahun 1995, 36,251 kes kemalangan yang dilaporkan berlaku dalam sektor industri. Jumlah ini hanya sehingga April 1995. Daripada jumlah diatas, 1,274 kes kemalangan adalah dalam sektor pembinaan bersamaan 3.51%. Pada tahun 1994, 122,688 kes kemalangan industri dilaporkan berlaku dengan 644 yang mengakibatkan maut. Pada tahun 1993, 133,293 kes kemalangan berlaku dengan 653 kematian, 1992 terdapat 130,019 kes dengan 541 kematian, 1991 terdapat 124,898 kes dengan 363 kematian dan 121,104 kes dilaporkan berlaku pada tahun 1990 dengan 390 kematian.


Dari jumlah di atas, pada tahun 1994, 4,311 kes dilaporkan dengan 44 kematian dalam sektor pembinaan bersamaan 3.51%. Pada tahun 1993, 4,207 kes dilaporkan dengan 51 kematian (3.16%), 1992, 3,615 kes dilaporkan dengan 39 kematian (2.78%), 1991 terdapat 3,377 kes dengan 35 kematian (2.70%) dan 3,123 kes dilaporkan berlaku pada tahun 1990 dengan 40 kematian (2.58%)¹. (Carta 1.1 - Sumber: PERKESO).

Dari data diatas, peratus kemalangan yang berlaku bertambah walaupun nilainya terlalu kecil berbanding dengan sektor lain terutamanya pembuatan. Jumlah yang tercatat ini adalah berdasarkan kepada kes-kes yang dirujuk kepada Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso). Tetapi banyak lagi kes-kes yang tidak dilaporkan.

Pekerja yang tidak sihat atau yang ditimpa kemalangan, tidak dapat menyumbang kepada produktiviti dirinya atau firmannya atau negaranya. Pekerja itu sendiri sudah tentu akan menghadapi kesengsaraan, sementara keluarganya akan hilang tempat bergantung. Pihak majikan akan mengalami kerugian disebabkan produktiviti mereka terjejas dan kos-kos lain.

Selain daripada kos, kualiti juga akan terjejas jika tempat kerja itu bermasalah, khususnya tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan dan kesihatan. Tenaga mahir yang mengalami kecederaan dan penyakit pekerjaan tidak akan dapat menghasilkan produk yang berkualiti. Pengambilan pekerja-pekerja baru akan memerlukan perbelanjaan tambahan bagi melatih mereka supaya mahir.

Peningkatan kemalangan perusahaan merupakan satu fenomena yang serius dan membimbangkan. Kerajaan telah mempergiatkan kempen keselamatan serta mewartakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada Februari 1994. Akta ini bertujuan menentukan supaya majikan mematuhi langkah-langkah keselamatan setiap masa.



Carta 1.1 : Bilangan Kes Kemalangan Dalam Industri Pembinaan

1.1 **Penyataan Permasalahan**

Berdasarkan kepada perangkaan yang dikeluarkan, ternyata kes-kes kemalangan industri terutamanya di dalam industri binaan merupakan satu isu yang serius sekiranya tidak ditangani segera. Bagi mengatasi masalah ini, pihak kerajaan telah mewartakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 pada 24 Februari 1994.

Semenjak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dikuatkuasakan, kadar kemalangan terutama dalam sektor pembinaan masih di tahap yang tinggi dan tidak menunjukkan pengurangan. Persoalan timbul adakah peruntukan-peruntukan utama di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 sesuai digunakan didalam industri binaan. Sekiranya sesuai, adakah peruntukan-peruntukan ini mencukupi atau perlu ditambah dalam mengawal kemalangan di sektor pembinaan.

Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan sebagaimana yang diperuntukan didalam akta keselamatan, yang berperanan memastikan keselamatan dan kesihatan para pekerja di tempat kerja sepatutnya dapat mengurangkan kadar kemalangan di sektor pembinaan. Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan penubuhan jawatankuasa keselamatan ini perlu dikaji dan langkah-langkah mengatasinya perlu dicari.

Dari persoalan diatas, suatu kajian mengenai peruntukan-peruntukan akta melalui penubuhan Jawatankuasa Keselamatan di sektor pembinaan terutama di dalam firma-firma kontraktor, perlu dilakukan.

1.2 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji peruntukan-peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 melalui penubuhan jawatankuasa keselamatan di dalam firma-firma kontraktor dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi keberkesanannya.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai. Objektif objektif berkenaan adalah meliputi:-

1. Mengkaji peruntukan-peruntukan utama akta keselamatan dalam mengawal kemalangan di tapak bina.
2. Mengkaji samada peruntukan akta melalui penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dapat mengurangkan risiko kemalangan di tapak bina.
3. Mengkaji struktur dan fungsi Jawatankuasa Keselamatan di dalam firma-firma kontraktor melalui peruntukan akta dan keperluan keselamatan di tapak bina.
4. Mengkaji langkah-langkah keselamatan pekerjaan di tapak bina dan kesesuaiannya untuk mencegah kemalangan.

1.4 Skop kajian

Kajian ini akan dibuat berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

1. Kajian akan menumpukan kepada firma-firma kontraktor sama ada ianya kontraktor utama atau sub-kontraktor
2. Hanya 4 buah firma kontraktor yang akan di kaji, 2 buah firma beroperasi di Selangor dan 2 buah firma lagi beroperasi di Pulau Pinang.
3. Kajian ini hanya menumpukan kepada aspek keselamatan pekerja di tapak bina sahaja bukan keseluruhan proses pembangunan.
4. Kajian hanya akan ditumpukan kepada keselamatan dari segi penyediaan kelengkapan dan peralatan keselamatan pekerja sahaja, tidak kepada keselamatan keseluruhan projek pembinaan.


1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini akan meliputi dua bahagian yang utama, iaitu bahagian teori dan konsep-konsep dasar dan bahagian kajian luar.

Pada peringkat awal penyelidikan, kajian dan penelitian akan dibuat melalui pembacaan buku-buku, majalah, lapuran, keratan akhbar dan juga kajian-kajian yang serupa yang telah dilakukan di negara-negara lain. Butir-butir maklumat yang diberi antara lainya ialah teori dan konsep organisasi keselamatan di dalam firma kontraktor, implikasi perlaksanaannya, pengaruh terhadap kos, kelebihan serta batas perlaksanaannya dan lain-lain aspek yang berkaitan.

Pada peringkat kajian luar, satu kajian akan dilakukan keatas empat buah firma kontraktor, dua bertempat di Selangor dan dua lagi bertempat di Pulau Pinang. Kajian ini mempunyai tiga tujuan utama, pertama, mengkaji jawatankuasa keselamatan didalam firma kontraktor, yang kedua ialah mengkaji langkah-langkah perlaksanaannya bagi menjamin keselamatan ditapak binaan dan yang ketiga mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan sesebuah jawatankuasa keselamatan itu. Selain itu, kawasan yang dipilih untuk kajian adalah berbeza daripada segi persekitaran dan pengaruh luaran seperti pihak berkuasa tempatan.

Hasil maklumat yang diperolehi daripada kedua-dua peringkat kajian ini akan dianalisa bersama untuk menghasilkan satu lapuran yang menyeluruh dan lengkap.



Rajah 1.1 : Carta Aliran Kajian

1.6 Had-had Kajian.

Had-had kajian ini adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

1. Bilangan responden tidak dapat dikira sebagai menyeluruh untuk menunjukkan keadaan sebenar. Dengan itu penemuan-penemuan adalah sebagai satu petunjuk sahaja.
2. Kajian luar yang dijalankan tidak dapat ditumpukan kepada pekerja-pekerja bawahan kerana beberapa sebab seperti :-
 - a. Pentingnya pengurusan dalam pengurusan organisasi keselamatan.
 - b. Masalah untuk mendapatkan pekerja-pekerja untuk dijadikan responden.
3. Kajian keatas prestasi pelaksanaan dan efisiensi teknikal hanya dihadkan kepada pandangan pihak pengurusan dan pandangan kasar keatas tapak bina firma-firma kontraktor yang terbabit. Tahap pengukuran keatas aspek-aspek diatas tidak dapat dilakukan. Dengan itu prestasi yang diketemukan juga ialah sebagai petunjuk kepada pengukuran prestasi sebenar.

BAB DUA

2.0 KAJIAN ILMIAH

2.1 Pengenalan

Kajian ilmiah ini akan membentangkan bahagian teori dan konsep-konsep dasar yang berkaitan keselamatan pekerjaan di tapak bina. Kajian ilmiah akan dilakukan melalui pembacaan buku-buku, majalah-majalah, lapuran kertas kerja-kertas kerja, keratan akhbar dan juga kajian-kajian yang serupa yang telah dilakukan di negara-negara lain

2.2 Objektif Kajian Ilmiah

Kajian ilmiah ini mempunyai beberapa objektif atau tujuan utama, antaranya termasuklah :-

1. Mengkaji peruntukan-peruntukan utama Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994,
2. Mengkaji struktur organisasi jawatankuasa keselamatan ,
3. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keselamatan di tapak bina dan kaedah-kaedah pencegahan kemalangan

2.3 Peruntukan-peruntukan Utama Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah diwartakan pada 24 Februari 1994. Matlamat utama Akta tersebut ialah memupuk komitmen majikan dan pekerja terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Penguatkuasaan akta ini adalah salah satu langkah kerajaan untuk membendung kejadian-kejadian kemalangan dan penyakit pekerjaan di negara ini yang kian meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Akta ini melengkapi undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerja yang sedia ada seperti :-

1. Akta Kilang dan Jentera 1967,
2. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969,
3. Akta Pampasan Pekerjaan 1952,
4. Akta Pekerja 1966,
5. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1966,
6. Ordinan Pekerjaan 1955,
7. Ordinan Racun (Sodium Arsenite) 1966, dan
8. Akta Bahan-bahan Radioaktif 1968.

Akta ini memperkemas lagi kehendak-kehendak perundangan keselamatan dan kesihatan yang sedia ada dengan mewujudkan satu sistem penguatkuasaan yang berasaskan kepada gabungan-gabungan peruntukan Akta, peraturan-peraturan dan tataamalan-tataamalan industri yang disediakan melalui kerjasama pihak kerajaan, majikan dan pekerja. Peraturan-peraturan dan tataamalan-tataamalan tersebut dirumus untuk memperbaiki lagi piawaian atau standard yang telah diwujudkan oleh undang-undang sedia ada.

2.3.1 Kandungan Akta

Peruntukan-peruntukan Akta ini telah digubal berasaskan kepada konsep 'pengaturan sendiri'. Mengikut konsep ini, tanggungjawab utama untuk memastikan keselamatan dan kesihatan ditempat kerja terletak kepada mereka yang mewujudkan risiko di tempat kerja dan mereka yang bekerja dengan risiko tersebut.

Selaras dengan konsep pengaturan sendiri, Akta ini tidak mengandungi peruntukan-peruntukan teknikal. Sebaliknya, apa yang digariskan dengan begitu terperinci dan jelas didalam akta ini ialah peruntukan-peruntukan

mengenai kewajipan am semua pihak yang terlibat dalam aktiviti kerja bagi memastikan keselamatan dan kesihatan semasa bekerja.

Golongan utama di tempat kerja yang diberi kewajipan am dibawah Akta ini adalah majikan orang-orang yang bekerja sendiri dan pekerja. Disamping itu, mereka yang merekabentuk, mengilang, mengimport dan membekalkan peralatan dan bahan-bahan yang digunakan di tempat kerja juga diberikan kewajipan am untuk memastikan peralatan dan bahan-bahan tersebut adalah selamat dan tidak membahayakan kesihatan semasa digunakan ditempat kerja.

Disamping memberi tanggungjawab kepada pihak-pihak tersebut, peruntukan-peruntukan bagi mewujudkan sistem pengurusan dan keselamatan dan kesihatan yang berkesan di tempat kerja juga digariskan dengan terperinci. Ini termasuklah aspek-aspek polisi, organisasi dan sistem kerja untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dan juga orang-orang lain yang mungkin terdedah kepada bahaya-bahaya yang timbul daripada aktiviti kerja.

Akta ini juga memperuntukan penubuhan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk membuat polisi dan pengawasan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kebangsaan. Peruntukan-peruntukan untuk perlantikan pegawai-pegawai penguatkuasaan dan penyiasatan, serta hukuman atau denda untuk kesalahan-kesalahan juga digariskan dengan menyeluruh.

2.3.2 Kewajipan Am.

Peruntukan-peruntukan berhubung dengan kewajipan am majikan, pekerja, orang yang bekerja sendiri dan perekabentuk, pengilang, pengimport, serta pembekal loji dan bahan digariskan dengan terperinci di

dalam Akta. Untuk kajian ini, penyelidik hanya menumpukan kewajipan am keatas majikan dan pekerja secara umum. Secara ringkas kewajipan-kewajipan tersebut bolehlah ditakrifkan seperti dibawah

2.3.3 Kewajipan Majikan.

Majikan didefinisi sebagai seorang individu, syarikat atau sebuah organisasi yang menggajikan seorang individu atas syarat kontrak, dan membayar untuk pekerjaannya dalam kandungan syarat-syarat kontrak pekerjaan.

Dalam industri binaan, pengkaji menakrifkan firma pemaju dan firma kontraktor samada kontraktor utama atau sub kontraktor sebagai majikan. Untuk kajian ini, pengkaji merujuk perkataan "majikan" kepada firma-firma kontraktor.

Majikan-majikan hendaklah, setakat yang praktik, melindungi kesihatan, keselamatan dan kebajikan orang-orang yang bekerja dengan mereka. Menurut Seksyen 15(2), Akta ini menggariskan lima langkah-langkah khusus yang perlu diambil oleh majikan, setakat yang praktik, untuk melindungi kasihatan, keselamatan dan kebajikan orang-orang yang bekerja untuk mereka. Ringkasan langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- a) mengada dan menyenggara loji dan sistem kerja yang selamat dan sihat.
- b) menyusun langkah-langkah bagi menjamin keselamatan dan kesihatan dalam penggunaan, penanganan, penyimpanan dan pengangkutan loji dan bahan.

- c) menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerjanya.
- d) memastikan premis kerja, serta jalan masuk dan keluarnya, adalah selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan pekerja-pekerjanya.
- e) menyediakan dan menyenggara persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja-pekerjanya.

Ungkapan 'boleh dipraktikkan' didalam Akta ini mempunyai definisi yang jelas iaitu boleh dipraktikkan dengan mengambil kira :-

- a) teruknya bahaya atau risiko yang terlibat,
- b) keadaan pengetahuan mengenai bahaya atau risiko itu dan apa-apa cara untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko itu,
- c) ada tidaknya dan kesesuaian cara untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko itu, dan
- d) kos untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko itu.

2.3.4 Polisi Keselamatan

Disamping kewajipan-kewajipan am, majikan juga (menurut Seksyen 16) dikehendaki menyediakan pernyataan bertulis mengenai dasar, organisasi dan susunan langkah-langkah untuk memelihara keselamatan dan kesihatan di tapak bina dan memberitahu pekerja-pekerjanya mengenai dasar tersebut. Dasar tersebut hendaklah dilengkapi dengan panduan-panduan bertulis mengenai langkah-langkah terperinci bagi mengawal bahaya-bahaya di tapak bina dalam bentuk yang mudah difahami oleh pekerja-pekerjanya.

2.3.5 Kewajipan Kepada Orang Awam.

Menurut Seksyen 17(1) Akta ini, majikan mestilah, setakat yang praktik, menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan memastikan orang-orang selain daripada pekerjanya, seperti orang awam, tidak terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan yang mungkin timbul akibat daripada aktiviti-aktiviti kerjanya.

Dalam keadaan-keadaan yang tertentu menurut Seksyen 17(2), majikan juga perlu memberikan maklumat kepada mereka mengenai aspek-aspek aktivitinya yang boleh menyentuh keselamatan dan kesihatan mereka. Maklumat ini boleh diberi melalui pelbagai cara yang praktik, misalnya dengan mempamerkan tanda-tanda amaran dengan tempat kerja.

Pihak firma kontraktor haruslah membina pagar keselamatan bagi mengelakkan orang awam daripada memasuki tapak bina tanpa kebenaran. Pihak pengurusan tapak bina juga harus memastikan setiap pengunjung mematuhi peraturan keselamatan di tapak bina.

2.3.6 Kewajipan Pekerja.

Pekerja mempunyai kewajipan dibawah akta ini untuk memberikan perhatian yang perlu bagi mengelakkan kecederaan atau penyakit kepada diri mereka atau kepada orang lain melalui aktiviti-aktiviti kerja mereka, dan untuk bekerjasama dengan majikan dan orang lain dalam memenuhi kehendak Akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Ini boleh didapati dalam Seksyen 24(1).

Akta ini juga menghendaki pekerja supaya tidak mengganggu atau menyalahgunakan apa-apa yang disediakan oleh majikan dalam mematuhi kehendak Akta untuk melindungi keselamatan, kesihatan atau kebajikan mereka, seperti peralatan dan pakaian keselamatan. Ini jelas dinyatakan dalam Seksyen 25.

Seseorang pekerja adalah dilindungi daripada diambil tindakan oleh majikan atau kesatuan sekerja yang boleh memudaratkannya sekiranya dia membuat sesuatu aduan mengenai perkara yang dianggapnya tidak selamat atau menjadi ahli sesuatu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan atau dalam menjalankan tugasnya sebagai ahli jawatankuasa tersebut. Ini dapat dilihat dalam Seksyen 27(1) dan 27(20).

2.3.7 Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan

Penghuni sesuatu tempat kerja yang termasuk di bawah kelas atau jenis industri yang diwartakan oleh Menteri, mestilah juga mengambil kerja seorang 'orang yang kompetan' untuk bertindak sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan. Ini dijelaskan dalam Seksyen 29.

Dalam seksyen 29 ini, pihak firma kontraktor haruslah melantik seorang berkeelayakan atau pernah menghadiri kursus keselamatan untuk bertindak sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Tugas pegawai tersebut ialah untuk memastikan pematuhan akan peruntukan-peruntukan Akta dan juga untuk menggalakkan amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja tersebut.

2.3.8 Jawatankuasa Keselamatan

Menurut Seksyen 30 Akta, seseorang majikan yang mempunyai 40 orang atau lebih pekerja, atau sekiranya diarahkan oleh Ketua Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja.

Seksyen ini mewajibkan firma kontraktor yang mempunyai kakitangan melebihi 40 orang menubuhkan sebuah jawatankuasa keselamatan di tapak bina.

Fungsi utama jawatankuasa tersebut ialah untuk sentiasa mengkaji semula langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang-orang ditempat kerja dan menyiasat apa-apa perkara berkaitan yang dibangkitkan oleh pekerja. Sentiasa berbincang dengan jawatankuasa tersebut mengenai perkara-perkara dan tindakan-tindakan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah dan akan dilaksanakan.

2.3.9 Laporan Kemalangan Dan Penyakit Pekerjaan

Seseorang majikan mestilah memberitahu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang terdekat mengenai apa-apa kemalangan, kejadian merbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit yang berlaku di tempat kerja tersebut. Ini dapat dilihat dari Seksyen 32 (1), Akta tersebut.

Menurut Seksyen 32 (2) pula, setiap pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan yang merawat pesakit yang dikenalpasti menghidap keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang tersenarai di Jadual Ketiga Akta Kilang dan Jentera 1967 atau dinamakan dalam peraturan-

peraturan dan arahan yang dibuat oleh Menteri, mestilah melaporkannya kepada Ketua Pengarah. Di antara penyakit-penyakit pekerjaan yang disenaraikan di dalam Akta dan Jentera termasuklah penyakit-penyakit yang berpunca daripada pendedahan habuk, sinaran radioaktif, bahan kimia dan kebisingan.

2.4 Organisasi Keselamatan

Mengikut Seksyen 30 Akta Keselamatan dan Pekerjaan 1994, majikan majikan yang mempunyai 40 orang atau lebih pekerja, hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa keselamatan di tempat kerja mereka. Fungsi utama jawatankuasa keselamatan ini ialah untuk mengkaji semua langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan orang-orang di tempat kerja dan menyiasat apa-apa perkara yang berkaitan yang dibangkitkan oleh pekerja.

Sebelum kita pergi lebih lanjut tentang jawatankuasa keselamatan ini, kita perlu memahami dahulu beberapa konsep organisasi. Konsep-konsep organisasi akan diterangkan dalam bahagian yang seterusnya.

2.4.1 Definisi Organisasi

Untuk sesuatu organisasi itu berfungsi dengan berjaya dan berkesia adalah perlu bagi mereka yang menganggotai organisasi tersebut mengenal pasti dan memahami secara mendalam matlamat-matlamat firma, tahu dimana kedudukan mereka di dalam organisasi dan yakin terhadap pekerjaan yang mereka lakukan. Adalah menjadi satu keperluan untuk memahami pengaruh-pengaruh dalaman serta luaran yang menghasilkan kejayaan sesuatu organisasi, konflik-konflik yang akan wujud, sebab-sebab ianya wujud dan cara-cara untuk mengatasi keadaan-keadaan tersebut.

Rahim Abdullah (1994)ⁱⁱ mendefinisikan organisasi sebagai suatu unit sosial yang diselenggarakan dengan sempadan yang boleh dikenalpasti untuk mencapai matlamat. Dengan adanya organisasi, sesebuah syarikat ataupun firma itu akan berupaya membentuk struktur, memformalkan

organisasi, memusatkan kerja, mengadakan pembahagian buruh, mengetahui jangkaan kawalan, memecahkan bahagian kepada jabatan atau unit yang berfungsi dan memastikan kesepaduan arahan yang diberikan.

Wan Azmi Ramli (1990)ⁱⁱⁱ dalam bukunya memetik pernyataan Peterson (1961) yang mendefinisikan organisasi dengan mengaitkan organisasi itu kepada tujuan. Ia berkeyakinan iaitu organisasi ialah suatu tindakan untuk mencapai tujuan-tujuan yang sempurna. Ini secara meletakkan perkara-perkara yang mustahak untuk melahirkan perhubungan yang lebih sistematik dikalangan mereka. Oleh itu organisasi bertugas sebagai satu agensi yang mengadakan dan mempercepatkan tindakan untuk pencapaian sesuatu tujuan yang dihasratkan ataupun termaktub.

Dalam buku yang sama, petikan pernyataan Cartwright (1965) dalam bukunya menyatakan bahawa organisasi menyusun, mengatur bahagian-bahagian yang ada kait-mengait, tiap satu mempunyai fungsi khas terhadap bahagian yang lebih besar. Aktiviti-aktiviti individu menyatupadukan untuk mencapai kehendak dan matlamat keorganisasian. Mereka yang terlibat secara langsung ini sangat berbeza dalam kemahiran dan kebolehan masing-masing.

Milllett (1966) pula berpendapat bahawa organisasi untuk perkhidmatan awam adalah pekerja-pekerja yang bekerjasama untuk tujuan yang sama. Manusia yang kerja bersama juga melahirkan semacam satu sistem reaksi, iaitu satu corak tingkah laku individu dan perhubungan didalam satu kelompok. Organisasi dianggap untuk menubuhkan perhubungan antara mereka melalui penentuan kerja, tugas dan tanggungjawab.

2.4.2 Organisasi Rasmi

Biarpun organisasi itu dengan rasminya tertubuh, namun begitu bukanlah bererti semua aktiviti dan tindak-antara ahli-ahlinya mengikut sepenuhnya arahan, peraturan dasar berkenaan. Disebabkan organisasi rasmi lazimnya, besar dan kompleks, oleh itu ada yang menyebut mereka sebagai skala besar atau organisasi kompleks. Tetapi pandangan diatas dianggapkan kurang tetap. Ini adalah kerana organisasi itu berbeza besar dan kekompleksiannya.

Organisasi rasmi ialah rancangan untuk pembahagian kerja dan penentuan wibawa. Pelan organisasi memberikan setiap ahli didalam kelompok taraf-kedudukan dan peranannya berbanding dengan ahli-ahli lain. Ia juga menentukan serta menerangkan segala tanggungjawab dan tugas-tugasnya.

Tiap organisasi rasmi boleh juga dikaji sebagai satu sistem sosial yang mempunyai beberapa sistem kecilnya sendiri bagi penyelesaian masalah-masalahnya. Oleh itu, tiap organisasi mesti mengadakan struktur-struktur yang membolehkan ia mengubah-suaikan keadaan sekitar atau alam sekelilingnya. Juga untuk mengumpulkan segala kemudahan-kemudahan sumber-sumber, yang diperlukan supaya ia dapat terus hidup dan bergerak maju.

Mekanisme-mekanisme juga dikehendaki untuk membolehkan organisasi melaksanakan tuju-arahnya. Ini termasuk struktur diberikan perhatian khas menentukan matlamat, kemudahan-kemudahan dalam organisasi, dan untuk pengeluaran dan pemasaran pengedaran. Untuk menyelesaikan masalah gabungannya, organisasi mestilah berikhtiar mencari jalan untuk memerintahkan ketaat-setiaan ahli-ahlinya, agar dapat mempertingkatkan

daya usaha mereka, dan untuk menyelaraskan operasi-operasi mereka yang berbagai-bagai bahagian itu.

Wan Azmi Ramli (1990) menyatakan organisasi rasmi ialah satu sistem yang jelas mendefinisikan kerja, masing-masing punyai hak-kuasa, tanggungjawab juga perkara yang dipertanggungjawabkan. Segalagalanya dibentuk, dikaji, diselidik supaya mereka yang bekerja didalam firma itu boleh menjalankannya dengan lebih jaya dan berkesan agar segala matlamat dasar dapat terlaksana serta tercapai. Oleh itu, organisasi rasmi diperirikan sebagai jelas pentakrifannya, terbandung dalam pemberian kuasa atau penugasannya dan ia lebih stabil.

Ridley (1994)^v menyatakan dalam hiraki organisasi yang tipikal bagi membolehkan organisasi itu berkesan, jawatan-jawatan yang tertentu perlu diberikan hak dengan kuasa (power) bagi melatihkan bidangkuasa (authority) untuk mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti organisasi tersebut.

Kuasa disini ditakrifkan sebagai suatu kapasiti dalam mempengaruhi orang lain melakukan sesuatu yang mana mereka melakukannya tanpa sukarela. Ini boleh dilihat dimana penasihat keselamatan dalam firma binaan mempunyai kuasa yang boleh menghalang seseorang pengurus tapak menjalankan kerja-kerja di tapak binaan sekiranya ia mendapati keadaan tempat kerja tidak selamat. Ini dapat dilihat daripada rajah 2.1.